



Hari:

Tarikh:

Kuiz

Unit 1 Mengenali Sejarah

Soalan Objektif

Jawab semua soalan.

- 1 Tokoh berikut merupakan salah seorang daripada sejarawan yang memberikan pandangan tentang pengertian sejarah.



Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim

Apakah pengertian sejarah menurut pandangan beliau?

- A Catatan atau rekod peristiwa lalu
- B Sejarah ialah peristiwa yang pernah berlaku
- C Penceritaan tentang tindakan manusia dan sebab ia dilakukan
- D Pembicaraan peradaban manusia dan perubahan yang berlaku (Buku Teks: 5)

- 2 Istilah berikut mempunyai kaitan dengan sumber sejarah.

Fosil

Sumber tersebut berasal daripada

- I alatan batu
 - II tinggalan haiwan
 - III tinggalan tumbuhan
 - IV Alatan tembikar
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks: 6)

- 3 Lokasi berikut ialah sebahagian daripada tapak arkeologi di negara kita.

Lenggong, Perak

Apakah tinggalan sejarah yang boleh anda temui di lokasi tersebut?

- A Alatan batu
- B Lukisan gua
- C Rangka manusia
- D Tapak kapal karam (Buku Teks: 8)

- 4 Pilih pasangan jawapan yang betul berkaitan dengan langkah kedua dalam menghasilkan kaedah lisan.

Pilihan jawapan	Langkah
I	Menemu bual
II	Menyimpan data
III	Menyalin rakaman
IV	Merakamkan perbualan

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks: 9)

- 5 Syameer membuat kajian berkaitan dengan asal usul Kampung Bulan melalui kaedah bertulis.

Apakah langkah pertama yang perlu beliau lakukan?

- A Mengumpulkan sumber
- B Mentafsir maklumat
- C Menyediakan soalan
- D Mengenal pasti sumber

(Buku Teks: 9)

Soalan Subjektif

Lengkapkan pernyataan berikut dengan maklumat yang betul.

1 Kaedah arkeologi

- (a) Proses mendapatkan maklumat melalui proses bahan _____
- (b) Kaedah ini dilakukan melalui proses _____
- (c) Melibatkan penemuan _____, _____, _____ dan _____.

2 Kaedah lisan

- (a) Melibatkan proses mendapatkan maklumat melalui _____.
- (b) Individu yang ditemu bual dikenali sebagai _____.
- (c) Individu tersebut merupakan individu yang terlibat dengan peristiwa sejarah, melihat peristiwa sejarah dan _____.

3 Kaedah bertulis

Malumat diperoleh daripada tulisan dan lakaran pada _____, _____ dan _____.